

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pemegang kad kredit yang aktif mengikut umur, jantina, kaum, dan pendapatan bulanan; dan
- (b) jumlah kad kredit yang dikeluarkan serta yang masih aktif dan jumlah had kredit yang diluluskan serta jumlah hutang kad kredit yang belum dijelaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jumlah kad kredit yang dikeluarkan serta masih aktif dan jumlah had kredit yang

diluluskan beserta jumlah hutang kad kredit yang belum dijelaskan adalah seperti berikut :

Statistik Bagi Akhir Tahun 2017	
JUMLAH PEMEGANG KAD KREDIT UTAMA	3.7 juta
Bilangan Kad Kredit Dalam Edaran	9.9 juta
Bilangan Kad Kredit Yang Aktif (Sekurang- kurangnya satu transaksi sebulan)	5.9 juta (60%)
Bilangan Had Kredit Yang Diluluskan	RM142.8 bilion
Jumlah Transaksi Kad Kredit Pada Tahun 2017	RM125.6 bilion
Jumlah Baki Kad Kredit Belum Jelas	RM39.0 bilion

Tahap keterhutangan pemegang kad kredit adalah terkawal. Pada tahun 2017, jumlah nilai transaksi kad kredit telah meningkat sebanyak 6.0% kepada RM125.6 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah baki berulang (*revolving balance*) telah menurun sebanyak 0.7% kepada RM23.7 bilion. Bilangan individu yang diisytiharkan muflis disebabkan oleh hutang kad kredit adalah kecil dan hanya merangkumi 0.04% daripada

jumlah pemegang kad kredit utama bagi tempoh Januari hingga Disember 2017.

Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan hanya pengguna yang layak dan berkemampuan sahaja diberikan kemudahan kad kredit bagi mengawal tahap keterhutangan pemegang kad kredit. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut :

- i) Memperketatkan kelayakan pendapatan minimum kepada RM 24,000 setahun sebagai syarat pengeluaran kad kredit;

- ii) Mengeluarkan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang menghendaki institusi kewangan memastikan pinjaman yang diberikan adalah berdasarkan kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman tanpa dibelenggu bebanan hutang yang melampau sepanjang tempoh pinjaman. Ini akan memastikan peminjam mempunyai penampakan kewangan yang mencukupi untuk perbelanjaan sara hidup dan dapat melindungi diri daripada kenaikan kos dan komitmen kewangan yang tidak dijangka;

- iii) Menghendaki pengeluar kad kredit untuk memaparkan

54

peringatan amaran pembayaran minimum dan memaklumkan jangka masa yang diperlukan untuk menyelesaikan baki belum jelas dan jumlah kos faedah tambahan yang akan dikenakan sekiranya pemegang kad hanya membayar bayaran minimum;

iv) Menghendaki peminjam pertama kali daripada industri perbankan untuk menghadiri kursus pengurusan kewangan oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK); dan

v) Menyediakan mekanisme bantuan penyelesaian melalui AKPK bagi membantu individu yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman. Setakat 31 Disember 2017, seramai 683,169 pengguna telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling AKPK yang mana seramai 210,814 orang telah dibantu menerusi Program Pengurusan Kredit (PPK).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

SOALAN : 222

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini dan garis masa pelaksanaan bagi setiap syor yang terdapat di Laporan Panel Penasihat Bebas Berhubung Hasil Siasatan Kes Kemalangan Bas Henti-Henti Di KM 3.6 Jalan Genting Highlands-Kuala Lumpur 2014 yang sepatutnya dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 2 Mac 2017, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengadakan satu mesyuarat bersama ahli-ahli Panel Penasihat Bebas (PPB) untuk melihat semula tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas syor yang telah dicadangkan oleh laporan Panel tersebut. Hasil daripada mesyuarat tersebut, YB Menteri Pengangkutan telah mengarahkan supaya *Recommendation Review Panel* (RRP) ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan syor yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat.

Mesyuarat pertama yang melibatkan 5 ahli RRP yang dilantik oleh YB Menteri Pengangkutan telah diadakan pada 5 Jun 2017. Ahli-Ahli RRP telah diberi mandat untuk melaksanakan audit serta pemantauan terhadap status pelaksanaan yang telah diambil oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti mana laporan PPB.

Di bawah RRP-WG1, audit secara holistik telah dijalankan ke atas enam (6) agensi yang berkaitan dari 20 Julai 2017 hingga 3 Ogos 2017 berkenaan pematuhan prosedur kenderaan bermula daripada proses pembuatan sehingga pelesenan kenderaan tersebut. Agensi yang terlibat ialah:

1. Jabatan Pengangkutan Jalan, Ibu Pejabat (JPJ-HQ);
2. Jabatan Pengangkutan Jalan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- (JPJ-WP KL);
3. PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM);
 4. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD);
 5. Institut Jurutera Malaysia (IEM); dan
 6. Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Buat masa ini, MOT sedang dalam tindakan untuk menubuhkan *Malaysia Transport Safety Board* (MTSB) yang akan berfungsi sebagai sebagai pusat sehati berkaitan keselamatan pengangkutan, adalah untuk menjalankan fungsi penyiasatan yang bebas, penyelidikan, operasi dan pemantauan ke atas semua mod pengangkutan. Rang Undang-Undang MTSB ini dijangka akan dibentangkan ke parlimen pada tahun ini.